

Kepentingan Perkahwinan Dalam Islam

oleh DR. SHUHAIRIMI BIN ABDULLAH, Pusat Teknologi Dan Pembangunan Insan

Pendahuluan

Islam diturunkan di muka bumi adalah untuk memelihara objektif syara' (*maqasid syar'iyah*). Salah satu daripadanya ialah untuk memelihara keturunan susur galur manusia daripada ketempangan yang cenderung merosakkan institusi kekeluargaan. Islam menitikberatkan institusi kekeluargaan. Ini kerana institusi kekeluargaan merupakan satu entiti yang penting dalam asas pembinaan komuniti masyarakat yang harmoni sifatnya. Ternyata kecelaruan yang timbul dalam institusi masyarakat akan menatijahkan proses untuk membentuk sebuah komuniti masyarakat yang bahagia dan penyayang tidak akan mencapai sasarannya.

Atas asas inilah, Islam mengharamkan segala bentuk perlakuan dan juga perbuatan yang boleh mendekati diri manusia dengan bahaya zina. Segala bentuk perlakuan dan interaksi sesama manusia antara lelaki dan perempuan yang tidak patuh kepada ketentuan syara' sudah pasti akan membuka pintu kerosakan (*fasad*) dan akan merosakkan institusi kekeluargaan amnya. Begitu juga dengan perbuatan songsang lain yang menyalahi fitrah manusia seperti hubungan sesama jenis termasuk *gay* dan *lesbian* serta segala bentuk perlakuan seks yang lain sudah pasti menyanggahi peraturan yang telah ditentukan oleh syara'. Bahkan juga turut menyalahi penerimaan norma hidup masyarakat yang sihat.

Allah S.W.T menciptakan manusia berpasang-pasangan dan ditiupkan ke dalam hati perasaan saling sayang-menyayangi serta sifat saling

memerlukan antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, perasaan itu haruslah melalui saluran yang betul. Bagi menghalalkan hubungan tersebut, Islam telah mensyariatkan hukum munakahat sebagai panduan untuk kelangsungan institusi kekeluargaan yang sempurna. Keterangan ini dijelaskan dalam firman Allah S.W.T. yang bermaksud:

"dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan, anak pinak, harta benda yang banyak bertimbun-timbun dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih, binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (yaitu syurga)"

(Ali-`Imran:14)

Kriteria Pemilihan Pasangan

Islam telah menetapkan pertimbangan dalam mencari pasangan di mana seorang lelaki itu tidak seharusnya menjadikan kecantikan dan kekayaan sebagai ukuran dalam proses pemilihan calon isteri, tetapi hendaklah mengambil kira perempuan yang berpegang teguh kepada agama sebagai kriteria pemilihan utama. Begitu juga bagi seorang wanita yang ingin memilih calon suami supaya meletakkan pegangan agama yang kuat sebagai faktor utama dan bukannya menjadikan pangkat dan harta sebagai pertimbangan dalam pemilihan calon suami, kerana seorang lelaki yang

berpangkat dan berharta tetapi tidak mempunyai nilai akhlak dan agama yang tinggi boleh menjadi punca kepada kerosakan dan keruntuhan institusi keluarga. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah bahawa Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

"Janganlah mengahwini wanita-wanita kerana kecantikan. Mungkin kecantikan itu memburukkan hidup. Jangan mengahwini mereka kerana harta, mungkin harta itu menyebabkan kezaliman mereka. Tetapi kahwinilah mereka atas dasar agama. Seorang sahaya yang hitam, berbibir tebal yang beragama adalah lebih baik".

(Diriwayatkan oleh Ibn Majah)





Antara ketetapan lain yang digariskan dalam perkahwinan Islam adalah sekufu dan juga keturunan. Benih yang baik akan melahirkan keturunan yang baik. Oleh demikian Islam sangat menitik beratkan tentang pemilihan calon suami dan juga isteri agar diselidiki terlebih dahulu keturunan pasangan masing-masing. Selain dari itu, perkahwinan sekufu antara lelaki dan perempuan juga diambil kira. Kufu' bermaksud mempunyai persamaan taraf antara lelaki dan perempuan sama ada dari segi ilmu, kekayaan, akhlak dan sebagainya. Ini adalah sebagai satu cara untuk menjamin kebahagiaan dan keharmonian kehidupan berkeluarga dan masyarakat pada masa akan datang.

Tanggungjawab Suami Isteri

Sehubungan itu, seseorang yang ingin mendirikan rumahtangga haruslah tahu dan menginsafi tentang tanggungjawab masing-masing apabila sudah mendirikan rumahtangga, sama ada bagi pihak suami dan juga isteri. Antara tanggungjawab suami yang digariskan dalam Islam ialah:

- i. Suami adalah merupakan ketua keluarga dan juga sebagai pelindung kepada isteri dan anak-anak. Sebagai seorang ketua dan juga pelindung kepada keluarga, suami bertanggungjawab mengawal, membimbing, menentukan tugas serta berusaha mencari keperluan hidup untuk keluarganya dan juga berusaha menyediakan keperluan dan keselamatan keluarganya.

- ii. Suami bertanggungjawab menyediakan rumah kediaman, pakaian dan makan minum keluarga. Suami juga wajib mengajar anak isterinya dengan hukum-hukum agama. Jika tidak mampu mengajarnya sendiri, haruslah menyediakan kemudahan pembelajaran dan membiayainya.
- iii. Suami juga haruslah mempunyai perasaan belas kasihan kepada keluarganya dalam menjalankan urusan pentadbiran keluarga. Disamping itu, haruslah menunjukkan sifat-sifat dan contoh yang baik supaya ianya menjadi ikutan kepada isteri dan anak-anak.

Demikian juga dengan isteri, apabila berkahwin sudah tentu mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap suami dan keluarga. Isteri mempunyai tanggungjawab yang besar dalam membantu suami menjaga rumahtangga. Antara tanggungjawab isteri yang boleh dilihat adalah:

- i. Isteri wajib bergaul dengan suami secara baik. Para ulama' bersepakat menyatakan bahawa isteri wajib menggauli suaminya dengan baik.
- ii. Isteri juga haruslah mengendalikan rumahtangga dengan sepenuh hati.
- iii. Wajib bagi isteri berhias untuk suaminya. Isteri hendaklah sentiasa berada di hadapan suami dalam keadaan yang menarik dan kemas. Oleh yang demikian, hati suami akan terhibur.

- iv. Isteri mestilah taat kepada suami dalam apa jua keadaan sekali pun, selagi ianya tidak membelakangkan agama.
- v. Seorang wanita juga hendaklah sentiasa menjaga kehormatan diri dan juga nama baik suaminya.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, pensyariatkan perkahwinan seperti yang dianjurkan oleh Islam bukanlah untuk memenuhi keperluan seks manusia semata-mata bahkan mengandungi falsafah yang murni. Di samping untuk memenuhi keperluan dan kelangsungan kehidupan manusia, institusi perkahwinan juga merupakan sebahagian daripada perintah agama. Kepatuhan manusia terhadap keperluan ini sudah pasti akan membimbing manusia supaya lebih menghormati hak sesama manusia dan hak dalam agama. Justeru itu, pencerobohan manusia terhadap institusi yang mulia ini boleh dianalogikan seperti haiwan ternakan yang memiliki otak tetapi tidak mampu untuk berfikir bahkan dalam situasi tertentu lebih bawah lagi darjatnya daripada haiwan ternakan.

